




Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2022



NILAI KERUGIAN BANJIR DI MALAYSIA 2022



Nota:

* Sumber data daripada agensi kerajaan.


** Jumlah kerugian adalah bagi tempat kediaman, kenderaan, premis perniagaan dan industri pembuatan.

RM 0.0 juta menunjuk kepada nilai kurang daripada RM100.0 ribu.

Sumber: Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Statistik Jumlah Kerugian, Malaysia

Carta: Jumlah Kerugian disebabkan Banjir di Malaysia, 2022



Kos kerugian banjir di Malaysia 2022 merekodkan RM0.6 bilion

- Kajian ini bertujuan untuk menilai jumlah kerugian dan kerosakan akibat banjir yang melanda negara pada tahun 2022. Kerugian ini meliputi nilai kerosakan tempat kediaman, kenderaan, premis perniagaan dan perindustrian. Bagi jumlah kerosakan industri pertanian dan aset awam & infrastruktur, data daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan digunakan.
- jumlah kerugian keseluruhan akibat banjir bernilai RM0.6 bilion (2021: RM6.1 bilion) bersamaan 0.03 peratus (2021: 0.40 peratus) berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar nominal. Tempat kediaman mengalami kerugian sebanyak RM157.4 juta (2021: RM1.6 bilion), kenderaan RM18.8 juta (2021: RM982.8 juta), pembuatan RM8.7 juta (2021: RM891.4 juta), premis perniagaan RM50.3 juta (2021: RM525.8 juta), pertanian RM154.5 juta (2021: RM90.6 juta) dan aset awam & infrastruktur sebanyak RM232.7 juta (2021: RM2.0 billion).
- Terengganu mencatatkan kerugian tertinggi RM215.2 juta, diikuti Kelantan RM153.1 juta, dan Pahang RM144.0 juta. Daerah yang mencatatkan kerugian tertinggi ialah Hulu Terengganu berjumlah RM46.4 juta, diikuti Pasir Mas RM45.5 juta, dan Baling, RM28.2 juta.